



## JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

جَبَاتِن مَفْتَى نَكْرِي فِدْرَا قَا رَا الرِّضْوَانُ

### ISU MENGANGKAT TANGAN SERTA MENGAMINKAN DOA DALAM KHUTBAH JUMAAT KEDUA

Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa hukum mengangkat tangan bagi makmum ketika mendengar khutbah Jumaat kedua adalah **sunat** berdasarkan dalil umum yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW mengangkat tangan ketika berdoa. Hal ini berdasarkan beberapa dalil yang berikut serta pandangan ulama mengenainya:

1. Amalan mengangkat tangan ketika berdoa adalah merupakan antara sebab dimakbulkan doa. Rasulullah SAW bersabda:

إن الله حي كريم يستحي إذا رفع الرجل إليه يديه أن يردهما صفرا خائبين

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Maha Pemalu lagi Maha Mulia. Dia malu (terhadap hambanya) jika hamba tersebut mengangkat kedua-dua tangan kepada-Nya lalu ia pulang dalam keadaan hampa.*”

(Riwayat al-Tirmizi)

2. Ia juga sebagai mencontohi amalan Rasulullah SAW iaitu mengangkat tangan ketika berdoa. Saidatina ‘Aisyah RA telah meriwayatkan:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَدْعُو رَافِعًا يَدَيْهِ يَقُولُ: إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ فَلَا تَعَاقِبْنِي أَيُّهَا رَجُلٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

أَذَيْتَهُ أَوْ شَتَمْتَهُ فَلَا تَعَاقِبْنِي فِيهِ

Maksudnya: “*Aku telah melihat Rasulullah SAW berdoa sambil mengangkat kedua-dua tangannya sambil berkata: “Selagi aku masih hidup janganlah hendaknya Engkau menghukumku. Mana-mana orang yang pernah aku menyakitinya atau mencelanya maka janganlah Engkau hukuman diriku kerananya.”*”

(Riwayat al-Bukhari)

3. Jumhur Ulama berpandangan bahawa mengangkat tangan ketika berdoa merupakan salah satu adab yang perlu diamalkan. Di dalam *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah* ada dinyatakan:<sup>1</sup>

يرى الحنفية والمالكية في قول والشافعية والحنابلة أن من آداب الدعاء خارج الصلاة رفع

اليدين بحذاء صدره.

Maksudnya: “*Ulama Mazhab Hanafi malah terdapat satu pandangan dari Mazhab*

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, 2012. *Al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam. Jil. 45. m.s. 266. Lihat juga \_\_\_\_\_, 2012. *Al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam. Jil. 20. m.s. 262.

Maliki. Begitu juga pandangan daripada Ulama Mazhab Syafie dan Hanbali menyatakan bahawa di antara adab ketika berdoa apabila di luar solat ialah mengangkat kedua-dua tangan pada paras dada.”

4. Syeikh al-Mubarakfuri telah menyatakan di dalam kitab *Tuhfah al-Ahwadzi*:<sup>2</sup>

قالوا هذا الرفع هكذا وإن كان في دعاء الاستسقاء لكنه ليس مختصا به ولذلك استدلل البخاري في كتاب الدعوات بهذا الحديث على جواز رفع اليدين في مطلق الدعاء

Maksudnya: “Ulama Ahli Hadis telah berkata, “Isu mengangkat tangan ini walaupun ketika doa *istisqa’* (minta hujan), namun ia tidak terhad dalam perkara itu sahaja. Oleh yang demikian, Imam al-Bukhari telah mengambil dalil ini dalam kitab doa-doa iaitu harus mengangkat kedua-dua tangan ketika berdoa secara mutlak”.

5. Imam al-Nawawi turut memberi ulasan mengenai hadis Rasulullah SAW berdoa sambil mengangkat tangan semasa *Istisqa’* (minta hujan):<sup>3</sup>

هذا الحديث يوهم ظاهره أنه لم يرفع ﷺ إلا في الاستسقاء، وليس الأمر كذلك، بل قد ثبت رفع يديه ﷺ في الدعاء في مواطن غير الاستسقاء، وهي أكثر من أن تحصر، وقد جمعت منها نحواً من ثلاثين حديثاً من الصحيحين أو أحدهما...

Maksudnya: “Hadis ini tidak dapat difahami secara jelas mengenai Baginda tidak mengangkat tangannya kecuali semasa *Istisqa’*. Ia bukan bermaksud begitu. Bahkan, telah sabit bahawa Rasulullah SAW pernah mengangkat tangannya dalam banyak keadaan selain *Istisqa’*. Malah, lebih banyak dari apa yang disebutkan itu. Maka, telah terhimpun sebanyak 30 hadis mengenainya yang diriwayatkan oleh Sahihayn (al-Bukhari dan Muslim) atau salah satu dari kedua-duanya.”

Manakala mengaminkan doa adalah sepertimana maksudnya iaitu: “Ya Allah, makbulkanlah permohonan kami.” Dalam hal ini, **sunat** mengaminkan doa ketika khutbah kedua disampaikan berdasarkan beberapa pandangan ulama seperti berikut:

1. Di dalam kitab *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah* ada disebutkan:<sup>4</sup>

يسن التأمين على دعاء الخطيب عند المالكية والشافعية والحنابلة، إلا أنه يكون عند المالكية والحنابلة سرا، وبلا رفع صوت عند الشافعية. ولا تأمين باللسان جهرا عند الحنفية بل يؤمن في نفسه

Maksudnya: “Sunat mengaminkan doa khatib menurut ulama Malikiyyah, Syafi’iyyah dan Hanabilah. Hanya Malikiyyah dan Hanabilah sahaja berpandangan sunat bacaan amin tersebut dilakukan secara perlahan (tidak keras) dan tanpa mengeraskan suara menurut Syafi’iyyah. Sedangkan menurut Hanafiyyah, tidak sunat membaca amin

<sup>2</sup> Al-Mubarakfuriyy, Muhammad ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abd al-Rahim. 1990. *Tuhfah al-Ahwadhiyy bi Syarh Jami’ al-Tirmidhiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jil. 2. m.s. 173.

<sup>3</sup> Al-Nawawiyy. 1981. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawiyy*. t.t.: Dar al-Fikr. Jil. 5. m.s. 190.

<sup>4</sup> \_\_\_\_\_ . 2012. *Al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwat Islam. Jil. 1. m.s. 116.

dengan suara yang keras tetapi memadai dengan mengaminkannya di dalam hati”.

2. Imam Ibn Hajar al-Haitami sebagaimana nukilan daripada muridnya, Imam Zainuddin al-Malibari pengarang kitab *I'ana al-Talibin* telah menyatakan:<sup>5</sup>

(قوله ولا يبعد ندب الترضي عن الصحابة) أي ترضي السامعين عنهم عند ذكر الخطيب  
أسماءهم. وقوله بلا رفع صوت: متعلق بندب. أما مع رفع الصوت: فلا يندب، لأن فيه  
تشويشا (قوله وكذا التأمين الخ) أي وكذا لا يبعد ندب التأمين بلا رفع الصوت لدعاء  
الخطيب...

Maksudnya: “(Telah berkata (Ibn Hajar): “Bukanlah dianggap sebagai perkara terpercil mengenai sunat membaca *radiallahu ‘anhum* ke atas para sahabat Nabi) iaitu mendoakan keredhaan ke atas mereka oleh yang mendengar ketika khatib menyebut nama mereka. Telah berkata (Ibn Hajar): “Tanpa perlu mengangkat suara: berkenaan hal yang disunatkan semata-mata. Adapun mengangkat suara: maka ia tidak disunatkan kerana ia merupakan gangguan. (Telah berkata (Ibn Hajar): Begitu juga dalam perkara mengaminkan doa dsb) iaitu sunat mengaminkannya tanpa perlu mengangkat suara terhadap doa khatib berkenaan.”

Berasaskan pendalilan serta pandangan yang telah dikemukakan, Jabatan Mufti Negeri Perak mendapati tidak terdapat dalil yang melarang dari mengangkat tangan semasa berdoa ketika khutbah kedua mahupun ketika mengaminkannya. Oleh itu, ia kembali kepada dalil umum mengenai amalan berdoa seperti yang telah diajar oleh Rasulullah SAW. Justeru, ia dilihat sejajar dengan kaedah fiqhiyyah berikut:<sup>6</sup>

الأصل في العام العموم حتى يرد دليل التخصيص

Maksudnya: “Asalnya pada dalil ‘am itu ialah umum sehinggalah didatangkan dalil yang memperincikannya (khusus).”

Justeru, umat Islam disaran agar menghindari dari sebarang bentuk kekeruhan pandangan tanpa sebarang maksud yang benar. Oleh itu, kembalilah kepada saranan al-Quran agar sentiasa menjaga perpaduan serta beramallah berdasarkan petunjuk ilmu tanpa berkekalan menjadi *muqallid* (pengikut) semata-mata.

والله أعلم بالصواب وإليه المرجع والمآب وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

<sup>5</sup> Al-Malibariyy, Zain al-Din ibn ‘Abd al-‘Aziz. *Hasyiyah I’ana al-Talibin ‘ala Hall Alfadh Fath al-Mu’in li Syarh Qurrah al-‘Aynn bi Muhimmat al-Din*. t.t: Dar al-Fikr. Jil. 2. m.s. 87.

<sup>6</sup> Al-Badarayn, Ayman ‘Abd al-Hamid. 2006. *Nazaryyah al-Ta’qid al-Usuliyy*. Beirut: Dar Ibn Hazm. m.s. 534 – 535.